ENGLISH | BAHASA MALAYSIA | 中文

Allianz

ALLIANZ MEDICURE



# Perlindungan komprehensif pelan perubatan dengan jaminan kemasukan ke hospital yang lancar, melindungi anda daripada bil perubatan yang tinggi

**Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad** 200601015674 (735426-V)
Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia
Ahli PIDM

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my)

## Caj perubatan kian meningkat, sama ada di hospital swasta atau kerajaan

| Hospital Swasta | VS | Hospital Kerajaan |
|---|---|---|
| Sehingga RM80,000[1] | Sakit Jantung | Sehingga RM4,000[1] |
| Sehingga RM395,000[2] | Kanser | Sehingga RM118,500 *(50-70% lebih rendah berbanding institusi perubatan swasta[5])* |
| Sehingga RM75,000[1] | Strok | Sehingga RM4,000[1] |
| Sehingga RM250 setiap dialisis[3] | Kegagalan Buah Pinggang | Sehingga RM162 setiap dialisis[3] |
| Sehingga RM40,000[1] | Batu Karang | Sehingga RM10,000[1] |

Sumber:
1. RinggitPlus, Government and Private Hospitals in Malaysia: How Much Do They Really Cost? (2018)
2. iMoney, Treatments You Can Get For As Low As RM1 At Malaysian Government Hospitals (2017)
3. The Star, Dialysis subsidy drying up (2013)
4. New Straits Times, Long waits at public hospitals cause anguish (2023)
5. The Star, Affordable cancer treatment for the poor (2014)

## Tahukah anda?

Masa menunggu pembedahan di hospital kerajaan boleh melebihi 6 bulan[4].

Nikmati rawatan yang lebih pantas di hospital swasta dengan Kad Perubatan **Allianz MediCure**!




## Mulakan dengan Pelan Tanpa Tunai untuk kemasukan hospital yang lancar!

Memilih pelan tanpa tunai bermakna kad perubatan anda menyediakan kemudahan kemasukan hospital yang lancar. Anda hanya perlu tunjukkan kad anda di kaunter pendaftaran hospital untuk kemasukan ke hospital yang mudah.

### Jadual Manfaat – Perlindungan Penghospitalan dan Pembedahan

| Manfaat | Pelan 1 | Pelan 2 | Pelan 3 | Pelan 4 | Pelan 5 |
|---|---|---|---|---|---|
| Had Tahunan Keseluruhan | 50,000 | 80,000 | 120,000 | 150,000 | 250,000 |
| **Manfaat Yang Lain (Tidak Tertakluk Kepada Deduktibel)** | | | | | |
| Elaun Tunai Harian di Hospital Kerajaan | 120 | 150 | 180 | 200 | 250 |
| **Manfaat Penghospitalan dan Pembedahan** | | | | | |
| Bilik (maksimum sehari sehingga 120 hari) | 150 | 200 | 300 | 400 | 500 |
| Unit Rawatan Rapi (sehingga 120 hari) | | | | | |
| Bayaran Pembedahan | | | | | |
| Bekalan dan Khidmat Hospital | | | | | |
| Bayaran Pakar Bius | | | | | |
| Bilik Bedah | | | | | |
| Lawatan Pengamal Perubatan Dalam Hospital (sehingga 120 hari dan maksimum 2 lawatan sehari) | | | | | |
| Ujian Diagnostik Pra-Hospital (dalam tempoh 60 hari sebelum kemasukan ke hospital) | | | Seperti Dicajkan | | |
| Rundingan Pakar Pra-Hospital (dalam tempoh 60 hari sebelum kemasukan ke hospital) | | | | | |
| Pendapat Pembedahan Kedua (dalam tempoh 60 hari dari rundingan dengan Pakar pertama) | | | | | |
| Rawatan Selepas Penghospitalan (dalam tempoh 60 hari dari tarikh keluar dari hospital) | | | | | |
| Prosedur Penjagaan Harian | | | | | |
| Bayaran Ambulans | | | | | |
| Pembayaran Balik Bayaran Laporan Perubatan | | | | | |
| Penjagaan Kejururawatan di Rumah (sehingga) | 500 | 1,000 | 2,000 | 3,000 | 4,000 |
| **Manfaat Rawatan Pesakit Luar** | | | | | |
| Rawatan Kecemasan Kemalangan Pesakit Luar (termasuk rawatan susulan sehingga 60 hari dari tarikh Kemalangan) | | | Seperti Dicajkan | | |
| Rawatan Kanser Pesakit Luar | | | | | |
| Rawatan Dialisis Buah Pinggang Pesakit Luar | | | | | |
| **Manfaat Perkabungan (Tidak Tertakluk Kepada Deduktibel)** | | | | | |
| Elaun Ihsan (punca Kemalangan Sahaja) | | | 2,000 | | |

Nota: Had deduktibel tidak terpakai kepada Elaun Tunai Harian di Hospital Kerajaan, Elaun Ihsan, rawatan kecemasan, termasuk dalam kes kemalangan, rawatan susulan pesakit luar untuk penyakit kritikal, dan rawatan yang diperolehi di kemudahan jagaan kesihatan Kerajaan.

### Premium Tahunan untuk Pelan Tanpa Tunai (RM)

| Kumpulan Umur | Pelan 1 | | Pelan 2 | | Pelan 3 | | Pelan 4 | | Pelan 5 | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | L | P | L | P | L | P | L | P | L | P |
| 30 hari – 17 tahun | 901 | 791 | 1,071 | 1,071 | 1,438 | 1,208 | 1,781 | 1,397 | 2,048 | 1,759 |
| 18 – 25 tahun | 580 | 534 | 778 | 722 | 854 | 854 | 1,085 | 999 | 1,731 | 1,552 |
| 26 – 29 tahun | 697 | 697 | 867 | 867 | 1,062 | 1,045 | 1,324 | 1,088 | 1,871 | 1,678 |
| 30 – 39 tahun | 949 | 949 | 1,300 | 1,300 | 1,508 | 1,494 | 1,948 | 1,653 | 2,729 | 2,329 |
| 40 – 49 tahun | 1,462 | 1,343 | 2,004 | 1,842 | 2,292 | 2,087 | 2,639 | 2,608 | 4,044 | 3,661 |
| 50 – 54 tahun | 2,105 | 1,934 | 2,898 | 2,665 | 3,474 | 3,341 | 4,348 | 4,176 | 5,346 | 4,887 |
| 55 – 59 tahun | 2,882 | 2,649 | 3,979 | 3,658 | 4,771 | 3,999 | 5,576 | 4,996 | 7,408 | 6,953 |
| 60 – 64 tahun | 4,159 | 3,860 | 5,738 | 5,327 | 6,722 | 6,023 | 7,420 | 6,674 | 11,735 | 9,628 |
| 65 – 69 tahun | 5,864 | 5,444 | 8,107 | 6,815 | 8,484 | 7,331 | 10,232 | 7,632 | 17,351 | 14,194 |
| 70 – 74 tahun (Pembaharuan Sahaja) | 7,879 | 6,704 | 10,828 | 8,180 | 12,272 | 9,416 | 13,547 | 11,339 | 28,476 | 24,052 |
| 75 – 79 tahun (Pembaharuan Sahaja) | 9,812 | 7,735 | 11,377 | 10,632 | 13,084 | 12,239 | 15,759 | 14,742 | 35,509 | 29,963 |

L = Lelaki P = Perempuan

## 3 cara untuk menjimatkan premium tahunan anda

### 1 Pilih pelan tunai untuk menikmati diskaun premium sehingga 49% daripada pelan tanpa tunai

Anda perlu bayar bil Hospital terlebih dahulu, kemudian Allianz akan bayar balik kepada anda.

#### Premium Tahunan untuk Pelan Tunai (RM)

| Kumpulan Umur | Pelan 1 | | Pelan 2 | | Pelan 3 | | Pelan 4 | | Pelan 5 | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | L | P | L | P | L | P | L | P | L | P |
| 30 hari – 17 tahun | 492 | 418 | 608 | 575 | 768 | 768 | 960 | 846 | 1,593 | 1,280 |
| 18 – 25 tahun | 369 | 313 | 472 | 436 | 528 | 528 | 616 | 568 | 1,060 | 1,060 |
| 26 – 29 tahun | 471 | 471 | 619 | 619 | 735 | 735 | 805 | 805 | 1,316 | 1,316 |
| 30 – 39 tahun | 678 | 678 | 908 | 908 | 1,084 | 1,084 | 1,205 | 1,205 | 1,851 | 1,582 |
| 40 – 49 tahun | 918 | 769 | 1,088 | 1,059 | 1,305 | 1,305 | 1,514 | 1,393 | 2,896 | 2,614 |
| 50 – 54 tahun | 1,325 | 1,137 | 1,879 | 1,879 | 2,168 | 2,034 | 2,295 | 2,118 | 3,830 | 3,494 |
| 55 – 59 tahun | 1,902 | 1,750 | 2,623 | 2,421 | 3,164 | 3,164 | 3,379 | 3,379 | 5,037 | 4,859 |
| 60 – 64 tahun | 2,750 | 2,522 | 3,808 | 3,536 | 4,482 | 4,163 | 5,373 | 5,025 | 7,998 | 6,524 |
| 65 – 69 tahun | 3,890 | 3,491 | 5,386 | 4,808 | 5,638 | 5,235 | 6,812 | 5,668 | 11,826 | 9,646 |
| 70 – 74 tahun (Pembaharuan Sahaja) | 5,697 | 4,656 | 7,888 | 6,411 | 9,130 | 7,258 | 10,402 | 8,336 | 19,345 | 16,392 |
| 75 – 79 tahun (Pembaharuan Sahaja) | 7,103 | 5,090 | 8,288 | 7,752 | 9,686 | 8,972 | 11,590 | 10,841 | 24,209 | 20,373 |

L = Lelaki P = Perempuan

### 2 Pilih Pilihan Deduktibel

Deduktibel adalah amaun pendahuluan yang anda perlu bayar sebelum kami menjelaskan bil anda. Setiap individu boleh menikmati Diskaun Premium berdasarkan pilihan Deduktibel yang dipilih. Semakin tinggi jumlah Deduktibel, semakin tinggi penjimatan.




### 3 Bilangan Orang Yang Diinsuranskan

Sebuah keluarga* atau syarikat** boleh menikmati diskaun pada Premium Tahunan jika jumlah individu yang diinsuranskan di bawah Polisi adalah tiga (3) dan ke atas.




* Bagi satu keluarga, pemegang Polisi dan pasangannya berusia di bawah umur tujuh puluh (70) tahun, dan anak/anak-anak Pemegang Polisi yang belum berkahwin berusia tiga puluh (30) hari hingga dua puluh empat (24) tahun, jika masih merupakan pelajar sepenuh masa di institusi pengajian tinggi.

** Bagi satu syarikat, minima tiga (3) orang pekerja perlu dilindungi untuk layak mendapat diskaun untuk Premium Tahunan.

## Perkara penting mengenai tuntutan

### Pelan Tanpa Tunai / Hospital Panel

Muat turun aplikasi MyAllianz kami untuk mendapatkan e-Kad perubatan anda. »» Semak senarai hospital swasta panel di aplikasi MyAllianz. »» Allianz akan berhubung dengan hospital untuk mengeluarkan Surat Jaminan dan memudahkan kemasukan anda ke hospital selepas pengesahannya.

Imbas kod QR ini untuk melihat **senarai Hospital Panel** di bawah Allianz MediCure.

### Pelan Tunai / Hospital Bukan Panel

Anda perlu membuat pembayaran bil hospital selepas discaj dan serahkan semua bil untuk membuat tuntutan melalui aplikasi MyAllianz. »» Pihak Allianz akan membuat penilaian tuntutan dan membayar balik sewajarnya berdasarkan perlindungan anda.

### Catatan

1. Yuran Managed Care Organisation ("MCO") RM19.44 (termasuk 8% Cukai Perkhidmatan) akan dikenakan secara berasingan untuk Pelan Tanpa Tunai.
2. Bagi Pemegang Polisi Badan Korporat, premium juga tertakluk kepada 8% Cukai Perkhidmatan.
3. Amaun Cukai Perkhidmatan ("CP") di sini mungkin tertakluk kepada perubahan kerana kadar CP yang digunakan hendaklah berdasarkan kadar semasa mengikut undang-undang Malaysia.
4. Premium tertakluk kepada Cukai Setem RM10 yang perlu dibayar atas Kontrak Insurans.
5. Berat badan berlebihan atau obesiti akan mempengaruhi premium anda dengan penambahan sehingga 25%.
6. Jumlah premium yang anda perlu bayar mungkin berbeza, bergantung kepada pilihan deduktibel, umur anda, jantina anda dan syarat pengunderaitan oleh Syarikat.

### Pengecualian Utama

Polisi ini tidak melindungi sebarang penghospitalan, pembedahan atau caj yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung, sepenuhnya atau sebahagiannya, oleh mana-mana satu kejadian berikut:

1. Penyakit Sedia Ada kecuali diisytiharkan oleh Orang Yang Diinsuranskan dan diterima oleh Syarikat secara bertulis pada atau sebelum tarikh permulaan Polisi.
2. Penyakit Khusus yang berlaku dalam tempoh seratus dua puluh (120) hari pertama perlindungan berterusan dikira dari tarikh Tempoh Insurans bermula.
3. Bunuh diri, percubaan membunuh diri atau melakukan kecederaan terhadap diri sendiri yang disengajakan dalam keadaan siuman atau tidak siuman.
4. Mana-mana orang yang tinggal di luar Malaysia.

### Terma dan Syarat Utama

1. Tempoh Tangguh – Perlindungan di bawah Polisi ini adalah tertakluk kepada Tempoh Tangguh selama tiga puluh (30) hari kecuali apabila penghospitalan adalah disebabkan oleh Kemalangan yang dilindungi.
2. Tempoh Percubaan – Sekiranya anda membuat keputusan untuk tidak mendapatkan Polisi ini selepas dikeluarkan, anda boleh mengembalikan Polisi kepada Syarikat untuk pembatalan dengan syarat permohonan anda untuk mendapatkan pembatalan telah diserahkan kepada Syarikat dalam masa lima belas (15) hari dari tarikh anda menerima Polisi.
3. Kadar Premium tidak dijamin dan dicaj mengikut umur dicapai pada hari lahir seterusnya semasa setiap pembaharuan Polisi. Syarikat berhak untuk menyemak kadar Premium dengan memberi Notis Bertulis tiga puluh (30) hari sebelum Ulang Tahun Polisi seterusnya. Pelarasan kadar Premium, jika ada, adalah bertujuan untuk mencerminkan pengalaman tuntutan oleh Syarikat, kos rawatan perubatan, inflasi perubatan, dan kemajuan teknologi perubatan. Senarai ini tidak menyeluruh dan kadar Premium mungkin akan disemak di bawah keadaan lain yang sewajarnya. Perubahan berkenaan, jika ada, akan terpakai bagi semua Pemegang Polisi semua Pemegang Polisi tanpa mengambil kira tempoh Polisi dan pengalaman tuntutan masing-masing.

Risalah ini berkuat kuasa mulai 20 Mac 2025.

Sila ambil perhatian bahawa pengecualian, had, terma dan syarat yang dinyatakan di dalam risalah ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada Dokumen Polisi sebenar untuk butiran lengkap manfaat, pengecualian, had, terma dan syarat.

Risalah ini bukanlah Kontrak Insurans. Penerangan untuk perlindungan yang diberi hanyalah ringkasan untuk rujukan segera dan mudah. Terma, manfaat, syarat-syarat dan pengecualian yang tepat yang terpakai dinyatakan dalam Polisi.

Hubungi kami untuk maklumat lanjut:

AZ03/25